

Sumber Pilihan

EBSCOHost Academic Source Premier

Diselaraskan oleh **Mazmin Mat Akhir** (mazmin@unimap.edu.my)

Academic Source Premier (ASP) yang ditawarkan oleh **EBSCOHost** mula dilanggan semenjak tahun 2006 untuk memenuhi keperluan maklumat dalam bidang pengurusan, pendidikan, perniagaan, keusahawanan dan teknologi. Ini memandangkan bahawa kebanyakan pangkalan data sedia ada dalam langganan Perpustakaan berorientasikan bidang kejuruteraan, sains dan teknologi.

Apakah Bidang Perkara Yang Diliputi Oleh ASP?

Academic Source Premier menawarkan indeks dan abstrak kepada hampir **8,300 jurnal** dalam bidang sains sosial, kemanusiaan, pendidikan, sains komputer, kejuruteraan, fizik, kimia, bahasa, linguistik, kesusasteraan, sastera, sains perubatan, sains kesihatan dan kajian etnik.

Apakah Yang Anda Perolehi Dengan Menggunakan ASP

Pengguna berupaya mencapai maklumat bibliografik untuk **8,309 jurnal** dan capaian teks penuh kepada hampir **4,600 jurnal** teks penuh.

Menggunakan ASP


Platform pencarian maklumat **ASP** amat mesra pengguna. Ia menawarkan kaedah pencarian **Advanced Search**.

Advanced Search menawarkan kaedah carian menggunakan medan terpilih seperti perkataan, pengarang, judul, tajuk sumber, judul jurnal, ISSN dan banyak lagi. **Advanced Search** juga menawarkan carian melalui gabungan dua atau tiga medan menggunakan kemudahan operator **boolean, OR, AND** dan **NOT**.

Menetapkan Limitasi atau Skop Carian

Platform **EBSCOHost** membenarkan pengguna menetapkan limitasi atau skop carian menggunakan pilihan berikut :

- > **Memperolehi carian artikel teks penuh sahaja**
- > **Menetapkan carian kepada jurnal berwasit**
- > **Menetapkan carian kepada jenis penerbitan tertentu**
- > **Menetapkan carian kepada liputan tahun tertentu**
- > **Menetapkan carian kepada jenis bahan meliputi artikel, abstrak, bibliografi, ulasan buku, kajian kes, direktori dan banyak lagi.**



Visual Search

Bersesuaian dengan namanya, **Visual Search** menyediakan kemudahan carian maklumat secara visual dan interaktif. Kemudahan ini menyenaraikan hasil carian mengikut kluster perkara. Setiap kluster akan menyenaraikan tajuk perkara dan subtopik untuk kemudahan pengguna. **Visual Search** memudahkan kerja-kerja pencarian dengan paparan hasil analisa melalui grafik yang mesra pengguna.

Selamat menggunakan **Academic Source Premier**. Anda boleh mengakses pangkalan data ini melalui laman **e-Resources** Perpustakaan di <http://mylib.unimap.edu.my>

ProQuest Digital Dissertations Full Text (PQDT)

Mulai September 2008, Perpustakaan telah memulakan langganan kepada **ProQuest Digital Dissertations Full Text (PQDT)**. Mereka yang pernah mengakses teks penuh tesis daripada **ProQuest Digital Dissertations** sebelum ini pasti tertanya-tanya tentang pembezaannya. Dahulu, Perpustakaan hanya melanggan kepada teks penuh tesis **Subset B** sahaja iaitu dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan. Kini, **PQDT** menawarkan capaian kepada semua kandungan teks penuh tesis meliputi bidang kemanusiaan, sains sosial, perniagaan, pengurusan dan banyak lagi!

ProQuest Digital Dissertations